



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 8/2024

Perdagangan dan Sektor Perindustrian Malaysia Berkembang Pesat dengan Rekod Tertinggi bagi Eksport dan Jualan Pembuatan

PUTRAJAYA, 31 Julai 2024 –Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada hari ini menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 8/2024**. Edisi ini memfokuskan statistik terkini yang diterbitkan pada Jun 2024 dan beberapa statistik akan datang bagi Julai 2024. Terdapat juga sorotan mengenai keadaan ekonomi Malaysia bagi suku tahun kedua 2024. Tambahan pula, edisi ini turut dilengkapi dengan artikel baharu bertajuk "Meneroka Tenaga Buruh Belia di Malaysia", yang menyediakan ulasan terperinci pekerjaan belia di Malaysia dari tahun 2015 hingga 2022, dengan menumpukan kepada trend pekerjaan, cabaran berterusan dan kemunculan peluang pekerjaan. Artikel ini meneroka isu-isu seperti peningkatan kadar pengangguran dan ketidakpadanan kemahiran di samping menilai keberkesanan inisiatif kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan prospek pekerjaan untuk belia.

Pada skala global, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meramalkan pertumbuhan global kekal stabil 3.2 peratus pada tahun 2024 dan 3.3 peratus pada tahun 2025, dengan inflasi menurun di seluruh dunia. Ekonomi maju dijangka mencapai sasaran tahap inflasi menjelang tahun 2025 berikutan penyederhanaan dalam pasaran buruh dan Harga bekalan tenaga, manakala pasaran baru muncul menunjukkan penyusutan yang lebih perlahan. Perdagangan global dijangka berkembang pada 3.2 peratus setiap tahun, didorong oleh eksport Asia serta permintaan yang berkaitan peralihan tenaga dan kecerdasan buatan (AI) yang kukuh.

Menyoroti prestasi ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia bertumbuh 5.9 peratus pada suku tahun kedua 2024, meningkat daripada 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya, dengan pertumbuhan pelarasan musim pada 2.9 peratus. Prestasi ekonomi yang dinamik ini sebahagian besarnya didorong oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Pada separuh tahun pertama 2024, ekonomi mencatatkan peningkatan 5.1 peratus, berbanding 4.1 peratus pada tempoh yang sama 2023".

Bagi sektor luaran, Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia pada suku tahun kedua 2024 mengekalkan kedudukan yang menggalakkan, mencatatkan lebih RM3.0 bilion (ST1 2024: lebih RM16.2 bilion), disokong terutamanya oleh eksport bersih barangan. Akaun Kewangan mencatatkan pemulihan yang signifikan, dengan aliran masuk bersih RM17.1 bilion berbanding aliran keluar bersih RM18.7 bilion pada suku tahun sebelumnya, didorong terutamanya oleh aliran masuk bersih dalam Pelaburan Lain dan Pelaburan Langsung. Pada separuh tahun pertama 2024, CAB mencapai lebih RM19.2 bilion, manakala Akaun Kewangan mencatatkan aliran keluar bersih RM1.6 bilion. Prestasi perdagangan barangan Malaysia juga menunjukkan pertumbuhan kukuh pada suku tahun kedua 2024 berbanding tempoh sama pada tahun lalu, dengan eksport dan import masing-masing meningkat 5.8 peratus dan 15.0 peratus, sekali gus meningkatkan jumlah prestasi perdagangan sebanyak 10.0 peratus. Bagi separuh tahun pertama 2024, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing meningkat 3.9 peratus, 13.8 peratus dan 8.4 peratus, menggambarkan kepelbagaian perkongsian perdagangan dan pasaran."

Beralih kepada segmen perindustrian, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat 5.0 peratus, menunjukkan pertumbuhan bulan keenam berturut-turut, didorong oleh peningkatan 5.2 peratus dalam Pembuatan dan kenaikan 5.4 peratus dalam industri berorientasikan eksport. Sektor Perlombongan pulih kepada 4.9 peratus, manakala sektor Elektrik meningkat 3.5 peratus. Secara keseluruhan, IPP meningkat 4.5 peratus pada ST2 2024 dan 3.9 peratus pada separuh tahun pertama. Sejak Januari 2024, sektor Pembuatan Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang stabil, dengan jualan mencecah RM156.1 bilion pada Jun, meningkat 5.9 peratus daripada Mei. Peningkatan ini diterajui oleh kenaikan 7.1 peratus dalam produk Elektrik & elektronik, di samping kenaikan dalam Makanan, minuman & tembakau (8.6%) dan Produk mineral bukan logam (11.1%). Jualan pembuatan pada suku tahun kedua 2024 berjumlah RM464.2 bilion, peningkatan 5.7 peratus, berjumlah RM921.5 bilion bagi separuh pertama tahun itu.

Menilai sektor Perdagangan Borong dan Runcit Malaysia, sektor Perkhidmatan menunjukkan pertumbuhan kukuh pada ST2 2024, dengan hasil mencecah RM607.1 bilion, menandakan peningkatan 6.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Indeks Volum Perkhidmatan juga meningkat 6.7 peratus kepada 152.2 mata, menunjukkan sumbangan yang signifikan sektor itu kepada ekonomi.

Dari segi inflasi, kadar inflasi Malaysia kekal stabil pada 2.0 peratus pada Jun 2024, kekal dari Mei 2024, dipengaruhi oleh peningkatan dalam sektor seperti Perkhidmatan Restoran & Penginapan (3.3%), Makanan & minuman (2.0%), Pendidikan (1.7%), dan Pengangkutan (1.2%). Bagi suku tahun kedua 2024, inflasi meningkat sedikit kepada 1.9 peratus, daripada 1.7 peratus setahun sebelumnya, kekal pada 2.0 peratus pada Julai 2024. Indeks Harga Pengeluar (IHP) juga terus menunjukkan trend meningkat 1.6 peratus pada Jun 2024 dan 1.3 peratus pada Julai 2024, menunjukkan

pertumbuhan di pelbagai sektor, termasuk Perlombongan (4.6%), Pertanian, Perhutanan & Perikanan (3.4%), dan Pembuatan (1.1%).

Bagi pasaran buruh, tenaga buruh berkembang 1.1 peratus kepada 17.15 juta pada ST2 2024, dengan kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 70.5 peratus. Penduduk bekerja meningkat sebanyak 1.2 peratus, mencecah 16.6 juta orang, manakala bilangan penganggur menurun sebanyak 0.6 peratus, mengekalkan kadar pengangguran stabil pada 3.3 peratus."

Dalam rumusan penutupnya, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin menekankan "Indeks Pelopor (IP) Malaysia meningkat 3.5 peratus kepada 113.4 mata pada Jun 2024, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan 42.2 peratus dalam Indeks Perusahaan Bursa Malaysia. Kedudukan IP melebihi 100 mata mencerminkan daya tahan ekonomi yang mampan. Melihat ke hadapan, perniagaan di Malaysia menjangkakan persekitaran perniagaan yang lebih baik pada suku tahun ketiga 2024, dengan penunjuk keyakinan meningkat sebanyak +4.7 peratus daripada +0.7 peratus pada ST2 2024. Tinjauan bagi separuh tahun kedua 2024 kekal positif dengan jangkaan pertumbuhan di sektor Perkhidmatan, Industri, Pembinaan dan Perdagangan Borong & Runcit. Sebagai ekonomi yang dipacu oleh pengguna, Malaysia dijangka akan mengalami peningkatan dalam permintaan domestik melalui pelarasan gaji dan aktiviti pelancongan yang menggalakkan. "

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 OGOS 2024**